

**BAB  
V**

## BAB V

### KEPUTUSAN KAJIAN DAN PENILAIAN

#### 5.1 Pendahuluan

Dalam bab yang lalu penulis telah menghuraikan tentang perkembangan dan pencapaian LTH Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Perbincangan dalam bab ini adalah tertumpu kepada analisa, keputusan kajian, pencapaian pelaburan dan keuntungan dana pendeposit terhadap usaha LTH kearah memperkembangkan wang mereka.

Hasil daripada wujudnya LTH telah dapat memberi kemudahan kepada umat Islam untuk menunaikan fardu haji dan memperkembangkan lagi wang mereka. Dalam erti kata lain mereka tidak lagi perlu menjual tanah, binatang ternakan dan aset kekal yang ada semata-mata untuk menunaikan fardu haji, bahkan jika simpanan yang dibuat adalah besar mereka masih terus dapat memanfaatkan keuntungan untuk keperluan hidupnya sekembali dari tanah suci atau keperluan keluarganya di Tanah Air semasa peninggalannya menunaikan fardu haji.

Hasil daripada kajian ini penulis berpendapat LTH adalah sebuah badan Islam yang bertindak selaku pengurus terhadap pembangunan harta umat Islam. Ianya sebagai penggerak kearah merealisasikan konsep ekonomi Islam. Ini bermakana bahawa selain daripada berfungsi dalam perkhidmatan haji dan umrah, LTH juga telah menceburkan diri dalam kegiatan pelaburan yang mendapat pulangan yang menguntungkan<sup>65</sup>. Usaha ini adalah menepati tuntutan agama Islam kerana syariat Islam. Agama Islam tidak menghalang aktiviti ekonomi dijalankan bersama atau secara sepadu dengan menunaikan fardu haji.

### **5.1.1 Kesimpulan dan Cadangan**

LTH telah berkembang pesat sejak awal penubuhannya lagi. Daripada aset yang bernilai RM 0.92 juta (1964) telah meningkat dalam tempuh 33 tahun pada tahun (1997) kepada RM 2979.10 juta. Ini menunjukkan LTH mampu berdaya saing dan maju. Ianya juga membuktikan LTH adalah sebuah institusi kewangan yang cekap sebagai nadi penggerak kepada pemesatan kegiatan ekonomi negara. Ia juga merupakan ‘pengantara’ diantara golongan pendeposit dengan golongan

---

<sup>65</sup> Jabatan Perdana Menteri, *Sejarah Perkembangan Tabung Haji Malaysia 30 tahun*, hal. 183

usahawan yang memerlukan dana untuk melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi.

#### **5.1.1.1 Cadangan**

Dengan dana yang kukuh LTH telah tampil kehadapan dengan lebih maju dan stabil. Oleh itu, penulis berpendapat LTH perlu bergerak lebih jauh lagi untuk bersaing di bidang pelaburan yang penuh dengan cabaran dan rintangan. Bagi tujuan tersebut penulis mencadangkan kepada LTH beberapa bentuk pelaburan atau perniagaan seumpamanya yang mampu mencapai keuntungan maksima tanpa melanggar matlamat asalnya.

#### **1- PASARAYA**

Pasaraya yang dimaksudkan adalah pasaraya yang besar untuk menjual barang-barang keperluan harian yang datang bukan saja daripada dalam negeri bahkan dari luar negara, lebih khusus dari negara Islam. Dengan adanya pasaraya ini LTH boleh mengambil peluang keemasan untuk memasarkan pelbagai jenis barang halal yang sememangnya ditunggu-tunggu oleh umat Islam sekarang ini. Dimasa yang sama satu rangkaian pembekal barang halal dapat disebar keselata dunia. Dengan

adanya pasaraya yang diurus secara Islam disamping pelbagai barang yang tersebut maka ini akan lebih meningkatkan lagi pasaran dan ekonomi umat Islam dan negara-negara Islam. Pasaraya ini perlu dikembangkan lagi keseluruh dunia dalam bentuk "francais" dimasa yang akan datang.

## **2- PELABURAN HARTANAH DI TANAH SUCI**

Setiap tahun LTH membawa jemaah haji ke Tanah Suci dan urusan ini akan berterusan untuk selama-lamanya. Semasa musim haji, LTH telah menyewa rumah untuk jemaah haji dari Kerajaan Saudi dan orang perseorangan, yang mana melibatkan beban kewangan yang tinggi kepada jemaah secara langsungnya dan kadar sewa tersebut pula berubah setiap tahun. Oleh itu LTH perlu mengadakan bangunan penempatan jemaah hajinya sendiri di Tanah Suci. Dengan konsep ini juga perbelanjaan jemaah haji dapat dikurangkan kepada harga yang rendah. Ketetapan ini juga dapat membantu umat Islam menuaikan fardu haji dengan kos yang lebih rendah dan murah. Diluar musim haji bangunan ini boleh disewakan kepada jemaah umrah yang datang setiap tahun. Dengan ini dapat menambahkan hasil pendapatan dan bonus pendeposit .

Di samping itu sejak bertahun-tahun sebelum ini umat Islam Malaysia melalui aktiviti beberapa pihak tertentu dari kalangan ulamak

Melayu telah mempunyai sejumlah rumah-rumah wakaf yang banyak di Tanah Suci. Dalam hubungan ini berkemukinan pengurusan LTH boleh berunding dengan Kementerian Wakaf Arab Saudi dan individu yang menjadi pengurus-pengurus tanah dan rumah wakaf Melayu untuk tujuan pembangunan semula disuatu kawasan yang terkumpul dan dapat dimanfaatkan oleh jemaah-jemaah haji dengan lebih sempurna dan baik.

### **3- PENERBANGAN KE TANAH SUCI**

Setiap tahun tidak kurang daripada 22,000 jemaah haji menunaikan fardu haji ke Mekah. Hasil daripada tinjauan penulis bahawa penerbangan untuk membawa jemaah haji tersebut dicarta setiap tahun. Dengan ini akan berlaku tawar menawar harga, dengan kata lain harga itu boleh dikuasai oleh satu-satu pihak sahaja. Penulis berpendapat sudah tiba masanya LTH memiliki kapal terbangnya sendiri untuk tujuan tersebut. Dengan ini secara tidak langsung harga tambang dan kos carta dapat dihapuskan dan kos penerbangan dapat dikurangkan lagi.

Di luar musim haji kapal terbang itu dapat membuat penerbangan umrah, disewa kepada syarikat penerbangan dan projek-porejak lain yang dapat mendatangkan pulangan yang menguntungkan.

#### **4- MENAMBAHKAN LAGI PEJABAT CAWANGAN**

Sehingga Oktober 1999 pejabat cawangan LTH berjumlah 105 buah diseluruh negara. Pejabat ini beroperasi sebagai tempat simpanan dan pengeluaran serta urusan haji. Apabila diteliti ianya seperti konsep bank-bank komersil yang lain. Oleh itu LTH harus menambahkan lagi pejabat cawangannya untuk menarik minat orang ramai untuk berurusan dengan LTH dan memberi perkhidmatan secara lebih berkesan kepada umat Islam.

Kalau kita bandingkan dengan Bank Simpanan Nasional yang mempunyai hampir 1000 pejabat cawangan, LTH hanya mencapai 10% saja dari kemampuan Bank Simpanan Nasional tersebut. Dengan itu pihak pengurusan perlu mempunyai wawasan untuk mencapai tahap tersebut. Dimasa yang sama LTH perlu mengikut perubahan masa dan zaman.

Di bank-bank komersil yang lain telah diadakan sistem "Autoteller machine" (ATM) sedangkan sistem ini tidak terdapat di LTH pada masa ini. Penulis yakin dengan adanya perubahan yang selaras dengan kemajuan teknologi terkini mampu menarik lebih ramai umat Islam berurusan dengan LTH, dan seterusnya menambahkan hasil pendapatan LTH.

## **5. MEMPELBAGAIKAN PELABURAN LADANG**

Setakat tahun 1999 pelaburan LTH dalam sektor perladangan 95% tertumpu pada perladangan kelapa sawit sahaja. Perancangan ini adalah baik untuk masa kini kerana harga kelapa sawit adalah tinggi dan mendatangkan pulangan yang menguntungkan. Perlu diingat sampai bilakah harga sawit akan kekal tinggi. Oleh itu sebagai langkah alternatif, LTH perlu mempelbagaikan usaha perladangan yang lain yang boleh mendatangkan hasil yang tinggi selain daripada kelapa sawit (contohnya seperti ladang koko, kopi, teh, menguasa penanaman balik kayu balak, ladang buah-buahan tempatan durian, langsat, duku dan lain-lain lagi). Perkara ini perlu difikirkan. Jika berlaku kejatuhan harga kelapa sawit, hasil ladang lain dapat menampung kejatuhan itu dan LTH tidak akan mengalami kerugian besar yang boleh merosakkan repotasi LTH sebagai institusi pelaburan umat Islam yang penting.

Penulis berpendapat cadangan-cadangan di atas dapat dirancangkan oleh LTH yang merupakan satu organisasi yang menuju kepada arah globalisasi. Sudah sampai masanya LTH bergerak kearah itu memandangkan usianya sudah menjangkau hampir 35 tahun operasi.

### **5.2     Kesimpulan Kajian**

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui sejauh mana peranan LTH dapat membantu pertumbuhan ekonomi umat Islam amnya dan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur khasnya. Kehidupan umat Islam sering kali dikaitkan dengan masalah ekonomi, lantaran itu kajian ini adalah untuk mengetahui peningkatan taraf sosio ekonomi umat Islam. LTH adalah sebuah organisasi yang berlandaskan syariat Islam. Kewujudannya adalah untuk bergerak maju dalam pengurusan haji disamping meningkatkan simpanan bakal-bakal haji dan pendeposit-pendepositnya. Dana yang terkumpul akan digunakan dalam pelaburan yang memberi keuntungan yang tinggi, serta dalam pengurusan umat Islam menunaikan fardu haji. Sistem pelaburan yang diamalkan oleh LTH adalah melalui operasi yang mengikut hukum syarak yang dituntut oleh Islam. Dengan itu pelaburan tersebut adalah bersih daripada sistem riba. Dengan ini LTH dianggap sebagai pengasas

dan perintis ke arah mengislamisasikan sistem ekonomi umat Islam di Malaysia.

Pertambahan bilangan penabung dan bilangan jemaah haji setiap tahun menunjukkan peningkatan perestasi LTH. Keadaan itu membuktikan peningkatan taraf ekonomi umat Islam di Malaysia. Peningkatan jumlah dana dan keuntungan yang diperolehi adalah satu kejayaan yang besar bagi umat Islam.

LTH juga merupakan sebuah organisasi perkhidmatan yang menguruskan pelaburan harta umat Islam, maka perlulah kita melihat sejauhmana perkembangannya dalam rangka usaha memajukan pembangunan ekonomi umat Islam di Malaysia amnya. LTH telah menanam modal dalam pelaburan, maka dengan itu mampu memberi keuntungan "bonus" yang tinggi kepada penyimpan. Dengan ini dapat meningkatkan harta kepunyaan umat Islam dan secara tidak langsung dapat memajukan ekonomi umat Islam.

Bertepatan dengan konsep memenuhi syarak yang dilaksanakan dalam pelaburannya, maka LTH telah memenuhi haknya dan hak seluruh masyarakat Islam apabila ia berjaya mengeluarkan zakat harta dengan jumlah yang agak besar untuk diberikan kepada mereka yang berhak. Zakat

harta yang diberikan setiap tahun sentiasa meningkat dan ini menunjukkan betapa tingginya keuntungan pelaburan yang telah dicapai oleh LTH.

Umumnya dengan penglibatan LTH dalam kegiatan pelaburan, maka pembangunan ekonomi masyarakat Islam juga turut sama ditingkatkan. Penglibatan LTH dalam pelaburan juga dapat memajukan umat Islam dan menyelesaikan permasalahan sosio-ekonomi masyarakat Islam.

Penglibatan LTH dalam sektor perladangan, hartaanah dan sebagainya membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan pekerja Islam, yang mana dengan cara itu memberi peluang kepada masyarakat untuk hidup selesa seperti masyarakat lain.

Walaubagaimanapun ada juga kelemahan LTH dari pandangan penulis antaranya;

- 1-                   Kesemua keputusan untuk membuat pelabuaran telalu berhati-hati dan lambat untuk ambil tindakan. Memang tidak salah pelaburan yang akan diceburi kita terpakasa berhati-hati demi kepentingan keuntungan namun disatu-satu masa kita juga perlu juga mengambil tindakan yang cepat dan tepat. Jelas

diberapa tempat kawasan perindustrian telah dibeli oleh bukan bumiputera akibat tindakan lambat oleh LTH untuk membelinya. Setelah beberapa tahun sahaja kawasan beroperasi nilai tanah dan sewa meningkat sehingga 500 kali ganda. Kalau tindakan cepat yang dibuat oleh LTH sudah tentu pulangan yang menguntungkan.

- 2- Dalam pengurusan haji, LTH masih terbawa-bawa tingkah laku budaya orang arab yang lambat berkerja dan sikap semacam orang arab semasa berkerja di Makah dan Madinah. Ini jelas apabila penulis membuat kaji selidik dengan secara sepihak ke atas jemaah haji yang pulang dari Tanah Suci pada tahun 1998. Sepatutnya orang arab boleh meniru kita dari segi sikap dan mutu kerja kita, sebab kita berkerja menggunakan alat yang canggih dan maju daripada mereka.

Dalam kajian ini penulis dapat membuat kesimpulan berikut :-

- 1- Dengan adanya kegiatan ekonomi yang digembelangkan oleh LTH, maka peratus masyarakat Islam untuk menyertai kegiatan ekonomi negara dapat ditingkatkan dan secara tidak langsung ini membawa kepada peningkatan pembangunan ekonomi dikalangan umat Islam sendiri.
- 2- LTH telah mengadakan skop pelaburan dengan lebih luas untuk memberikan umat Islam di Malaysia pilihan bagi pelaburan jangka panjang mereka ke dalam pelbagai sektor seperti harta tanah, pekilangan dan pelaburan yang menepati syariah.
- 3- Dana yang ada telah menjadikan LTH lebih kukuh, serta berupaya menceburi dunia perniagaan di peringkat antarabangsa dan seterusnya mengubah peranannya daripada sebagai badan yang hanya mengumpulkan simpanan bagi mereka yang hendak menuaikan haji kepada menjadi sebuah agensi pelaburan Islam yang global lagi mencabar.

Usaha LTH ini telah dapat mengembeling masyarakat Islam, melibatkan diri dalam satu organisasi perindustrian dan perniagaan yang dipupuk melalui pendekatan yang membina, pandangan yang dinamik, mengikut dan selaras dengan penghayatan akhlak murni dan menguasai bidang ilmu kepakaran yang dituntut. Kesepaduan dalam semua aspek ekonomi ini akan melahirkan satu masyarakat Islam yang kompetitif dan berdaya saing disemua peringkat.

Berdasarkan kepada faktor-faktor diatas penulis berkeyakinan bahawa LTH akan menjadi sebuah oranisasi yang teguh dan kuat. Kekuatan ini telah membantu meningkatkan taraf hidup dan ekonomi umat Islam di Malaysia amnya dan di Wilayah Persekutuan khususnya.